

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PERASMIAN SEMINAR KE ARAH PEMUPUKAN ISLAM DALAM KAUNSELING - SATU SEMINAR KAUNSELING
Lokasi : HYATT SAUJANA, SUBANG, SELANGOR DARUL EHSAN
Tarikh : 02-08-1988

Yang Berbahagia Dr. Hj. Mohd. Ahmad bin Hj.

Hashim, Timbalan Pengarah ITM; Yang Berusaha Puan Hajjah Rokiah Abd. Rahman, Ketua Pusat Kerjaya dan Kaunseling; Para peserta seminar; Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati sekalian.

Assalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Institut Teknologi MARA yang telah menjemput saya untuk merasmikan "Seminar Ke Arah Pemupukan Islam Dalam Kaunseling - Satu Seminar Kaunseling" pada pagi ini. Semoga usaha murni yang dilakukan oleh ITM melalui Pusat Kerjaya dan Kaunselingnya dapat menghasilkan manfaat yang sangat bermakna dalam memajukan bidang kaunseling yang dianggap masih muda usianya di negara ini.

2. Saya merasa gembira kerana berpeluang melihat peserta-peserta yang terlibat dalam profesion kaunseling dari seluruh negara berkumpul untuk sama-sama berbincang mengenai masa depan bidang ini. Sesungguhnya memang tidak dapat dinafikan bahawa bidang ini, daripada segi konsep dan teorinya, adalah dari Barat. Namun begitu, ianya telah wujud dalam Islam semenjak manusia dicipta oleh Allah Subhanahu Wataala dengan terlantiknya Rasul-Rasul dan Nabi-Nabi yang ditugas untuk memandu manusia menuju ke jalan yang diredhai olehNya.

3. Oleh yang demikian apa yang perlu dilakukan oleh kaunselor-kaunselor dan cerdik-pandai sekalian ialah sama-sama berusaha untuk memajukan bidang ini setanding dengan profesion-profesion lain seperti perakaunan, kejuruteraan, kedoktoran dan sebagainya. Insya-Allah, melalui pendedahan yang akan dilakukan dari semasa ke semasa tanpa mengenal jemu, bidang ini kelak akan mendapat perhatian dan pengiktirafan yang sewajarnya daripada segenap lapisan masyarakat di negara ini yang rata-rata masih kabur atau masih belum jelas lagi mengenai konsep dan kepentingan kaunseling umumnya, apatah lagi kaitannya dengan agama Islam.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

4. Saya berpendapat bahawa setiap kaunselor dan cerdik-pandai perlulah sama-sama berganding bahu membincangkan pelbagai persoalan serta menerokai kerja-kerja penyelidikan yang melibatkan konsep kaunseling dengan bidang pendidikan di negara ini. Inisiatif harus diambil untuk mengadakan penyelidikan yang terancang dan rapi dalam mencari perimbangan di antara teori-teori kaunseling dari Barat dengan Islam agar kita dapat menyesuaikan dengan keadaan persekitaran, adat resam dan kebudayaan masyarakat tempatan. Penyelidikan ini mestilah mempunyai objektif jangka panjang yang tidak didorong oleh 'short-term solutions'.

5. Buat masa ini belum ada sebarang teori yang boleh kita rujuk sebagai teori 'Malaysia' yang bergabung dengan ciri-ciri kelslaman yang bersifat selaras dan terancang bagi jangka panjang, tetapi sebaliknya ia lebih bersifat 'piece-meal'.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

6. Gunakanlah peluang yang ada melalui perjumpaan dan perbincangan ini untuk sama-sama memikir dan mencari jalan supaya setiap kaunselor di negara ini kelak mempunyai imej yang normatif kepada agama dan budaya kita.

7. Oleh yang demikian, mestilah wujud pertalian yang erat, ikhlas dan jujur di antara cerdik-pandai yang berpendidikan sekular dengan ahli-ahli agama agar perimbangan di antara kedua-dua teori yang berbeza

sumbernya ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

8. Ilmu kaunseling dari Barat yang semata-mata bersumberkan akal fikiran manusia ini seandainya diambil dan berjaya pula disesuaikan dengan ciri-ciri kelslaman sudah tentu akan mewujudkan suatu konsep kaunseling yang mampu membawa setiap pengamal dan mereka yang memerlukan khidmat ini ke arah jalan yang diredhai oleh Allah Subhanahu Wataala, sama ada dalam kehidupan di dunia mahupun di akhirat kelak. Proses penyesuaian ini perlulah wujud kerana setiap apa yang dibawa daripada Barat tidak semuanya baik mahupun sebaliknya.

9. Oleh yang demikian, mestilah wujud suatu golongan yang ditugaskan untuk menapis serta menghalusi konsep dan teori kaunseling yang dibawa masuk bagi memastikan arah dan matlamatnya tidak bertentangan atau terkeluar daripada landasan kelslaman yang dicita-citakan oleh Kerajaan. Dalam mencapai hasrat tersebut, kesungguhan yang sepenuhnya mestilah ada pada setiap pengamal profesion ini dalam tugas masing-masing terutamanya segala usaha yang dilakukan ke arah pemupukan Islam dalam bidang kaunseling di negara ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Kesungguhan yang tuan-tuan dan puan-puan tunjukkan dalam tugas masing-masing sudah tentu dapat menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi oleh mereka yang memerlukan khidmat nasihat di tempat bertugas tuan-tuan dan puan-puan.

Sesungguhnya usaha yang tuan-tuan dan puan-puan lakukan selama ini akan dapat membantu mewujudkan individu-individu yang mempunyai sikap dan tingkah laku yang positif demi kepentingan individu yang terlibat dan organisasi khususnya dan negara ini amnya. Semoga apa yang bakal diperolehi daripada Seminar ini dipraktik dan disesuaikan dalam tugas seharian tuan-tuan dan puan-puan.

11. Dengan ini, saya dengan nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang merasmikan Seminar Ke arah Pemupukan Islam Dalam Kaunseling.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.